

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**KAJIAN TERHADAP AKTA  
KESALAHAN KESELAMATAN  
(LANGKAH-LANGKAH KHAS) 2012  
(SOSMA) MENURUT PERSPEKTIF  
*MAQASID SYARI'AH***

**MUHAMMAD FIRDAUS HADI BIN  
FADZILAH SHAHIMI**

**MA**

**Januari 2020**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**KAJIAN TERHADAP AKTA  
KESALAHAN KESELAMATAN  
(LANGKAH-LANGKAH KHAS) 2012  
(SOSMA) MENURUT PERSPEKTIF  
*MAQASID SYARI'AH***

**MUHAMMAD FIRDAUS HADI BIN  
FADZILAH SHAHIMI**

Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi keperluan untuk Ijazah  
**Sarjana Pengajian Islam Kontemporari**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Januari 2020**

## **ABSTRAK**

Sesuatu akta yang diperkenalkan di bawah Perlembagaan Malaysia mempunyai kepentingan dan peranannya tersendiri sebagai rujukan bagi setiap ahli undang-undang dan mereka yang berkaitan dalam bidang ini. Pengkaji tertarik untuk mengetengahkan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 SOSMA 2012 yang telah menggantikan Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) sebelum ini sebagai tajuk kajian. Sehubungan itu, matlamat kajian ialah menilai kedudukan SOSMA menurut perspektif *maqasid Syari'ah* dari sudut penguatkuasaan dan perlaksanaanya. Selain itu, objektif kajian ialah mengenalpasti latar belakang dan elemen kritikal dalam SOSMA serta menganalisis kedudukan *Maqasid Syari'ah* dalam Perundangan Islam. Oleh yang demikian, metode yang digunakan ialah kualitatif yang berbentuk penerokaan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah kajian perpustakaan yang memerlukan analisis dokumen seperti akta, keputusan kehakiman serta meneliti kitab-kitab *turath* dalam merungkai permasalahan perbandingan di antara *Maqasid SYARI'AH* dan pengaplikasiannya terhadap undang-undang. Selain itu, pengkaji menggunakan teknik temu bual semi struktur bagi mendapatkan pandangan sarjana mengenai isu ini. Penganalisaan turut dilakukan menggunakan pendekatan induktif dan komparatif. Dapatan pengkaji ialah SOSMA merupakan undang-undang subversif yang selari dengan tuntutan *Maqasid Syari'ah* dari segi prosedur pelaksanaan. Namun dari segi penguatkuasaannya, SOSMA memerlukan semakan terperinci supaya maksud SOSMA selari dengan kehendak *Maqasid Syari'ah*.

## PENGHARGAAN

*Bi ism Allah al-Rahman al-Rahim, al-hamd li Allah,* syukur yang tidak terhingga dipanjatkan kepada Allah SWT kerana telah memberikan kekuatan dan ketabahan untuk menyiapkan penulisan ini. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, para sahabat RA dan *Tabi' al-Tabi'in*.

Ucapan *jazak Allah khayran kathira* kepada En. Shukran Abd Razak, Pensyarah Akademi Pengajian Islam UiTM merangkap penyelia yang sentiasa mengajar dan mendidik pengkaji sehingga tamat tulisan ini. Sekalung penghargaan diberikan juga kepada Prof. Madya Mohd Dani Muhamad dan Puan Mazlifah Mansoor selaku insan yang membantu dan sentiasa bersedia memberi idea, maklumat dan berbincang untuk penulisan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan Mohd Irman Mohd Nasir dan Abdul Qayyum Abd Razak yang telah banyak membantu pengkaji sepanjang kajian dijalankan. Di samping itu, pengkaji juga berterima kasih kepada pustakawan-pustakawan dan kakitangan-kakitangan Perpustakaan Tun Abdul Razak (UiTM Shah Alam), Perpustakaan Tun Sri Lanang (UKM) ,dan Perpustakaan SMA At-Tanwiriah, Parit Jawa, Muar, Johor yang banyak membantu memudahkan pencarian sumber kajian.

Akhirnya jutaan terima kasih buat ibunda dan ayahanda  
serta keluarga mertua juga tidak ketinggalan  
kepada isteri tercinta serta anak-anak yang sentiasa  
sabar dan memberi sokongan walau apa jua cabaran yang mendarang dalam  
menyelesaikan kajian ini. Seterusnya juga ucapan terima kasih kepada semua individu  
yang telah terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam membantu  
penulisan kajian ini. Sesungguhnya hanya Allah sahaja yang dapat membalas setiap  
titis keringat kalian yang dicurahkan dalam membantu pengkaji menjayakan penulisan  
ini.

*Jazakum Allah khayran kathira.*  
Muhammad Firdaus Hadi Fadzilah Shahimi  
2019

## ISI KANDUNGAN

HALAMAN

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI KES	xiii
SENARAI STATUT	xiv
JADUAL TRANSLITERASI	xv

<b>BAB SATU: PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Kepentingan Kajian	7
1.5 Tinjauan Literatur	8
1.6 Metodologi Kajian	14
1.6.1. Metode Pengumpulan Data	15
1.6.2. Metode Analisis Data	16
<b>BAB DUA: SOSMA: SEJARAH, KANDUNGAN AKTA DAN PERLAKSANAAN</b>	<b>17</b>

2.1 Pendahuluan	17
2.2 Sejarah Penggubalan SOSMA Di Malaysia	17
2.2.1 Undang-Undang Pencegahan Zaman Kolonial British	18